

Masidi gesa orang ramai baiki penguasaan Bahasa Inggeris

Larissa Lumandan DE 22.3.2014 3

KOTA KINABALU: Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Seri Masidi Manjun menggesa orang ramai untuk memperbaiki penguasaan Bahasa Inggeris mereka melalui membaca.

"Ini akan membantu keyakinan anda apabila memberi ucapan," katanya, sambil menambah bahawa penggunaan yang lemah dalam bahasa tersebut dalam kalangan orang ramai adalah disebabkan penggunaan yang keterlaluan bahasa pesanan ringkas.

Beliau berkata demikian semasa melancarkan Pesta Buku Universiti Malaysia Sabah bermula 17 Mac hingga 23 Mac di perpustakaan universiti itu di sini pada Jumaat.

Beliau turut menasihati orang ramai untuk membaca buku-buku selain dari bidang pendidikan mereka sambil menyatakan bahawa terdapat berbagai perkara untuk dipelajari melalui membaca.

Terdahulu, Naib Cancellor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata objektif pesta itu adalah untuk mewujudkan satu platform bagi pelajar-pelajar UMS dan orang ramai dengan pendedahan pelbagai buku rujukan.

"Unesco telah mengumumkan 23 April sebagai Hari Buku dan Hari Hak Cipta Dunia bagi memperingati kelahiran dan kematian penulis-penulis masyhur antarabangsa," katanya dengan menerangkan bahawa ini membuktikan bahawa membaca telah mempengaruhi manusia serta pembangunan tamadun melalui penghasilan buku-buku, budaya membaca dan penguasaan pengetahuan.

Beliau juga berkata akan terdapat berbagai aktiviti semasa pesta buku itu seperti Bengkel Maklumat Celik Huruf, Majlis Pelancaran Buku, Seminar Perdana, Sesi Penulisan



MASIDI melawat pondok pameran buku tersebut.

Berita, Program Motivasi Pelajar-pelajar, aktiviti mewarna oleh murid-murid dari Tadika UMS dan banyak lagi.

Dalam ucapan beliau yang disampaikan oleh Ketua Pustakawan UMS Dayang Rukiah Ag. Amit, Dr Mohd Harun turut menggesa pelajar-pelajar untuk menggunakan dengan sebaiknya Baucar Buku bernilai RM250 pemberian kerajaan untuk membeli buku-buku diperlukan yang diperlukan dalam pembelajaran mereka.

"Saya juga menjemput pelajar lain serta masyarakat di sekitar Kota Kinabalu untuk melawat pesta buku ini agar terdedah dengan buku-buku yang tidak boleh didapati di tempat masing-masing anda," katanya.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Soka Gakkai Malaysia (Cawangan Sabah) yang memberi derma 37 buah buku, Yayasan Asia menerusi Pacos Trust juga menderma sebanyak 2,314 buah buku terdiri daripada perubatan, penjagaan, psikologi dan lain-lain bidang dalam sosial sains.

Selepas itu, Setiausaha Agung Persatuan Soka Gakkai Malaysia (Cawangan Sabah) Lam Choi Sing berkata kesemuanya buku yang mereka dermakan adalah mengenai keamanan, kebudayaan, pendidikan dan kemanusiaan ditulis oleh Presiden Antarabangsa Soka Gakkai (SGI) Daisaku Ikeda.